

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2004/2005

Mac 2005

SAU313 – Undang-Undang Pekerjaan

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas soalan ini mengandungi lampiran. Sila baca arahan berkaitan lampiran di ms (3).

Anda dikehendaki menjawab **TIGA (3)** soalan semuanya. Soalan di Bahagian A adalah **wajib**. Pilih **DUA (2)** soalan daripada Bahagian B. Anda dinasihatkan menjawab setiap soalan dalam 3-6 mukasurat kertas jawapan sahaja.

...2/-

Bahagian A

Soalan di Bahagian ini **wajib** dijawab.

- 1) Bincangkan dengan kritis cara undang-undang Malaysia menjamin hak individu dalam hubungan pekerjaan. (100 markah)

Bahagian B

Jawab **DUA (2)** soalan di Bahagian ini.

- 2) Senaraikan lima (5) situasi kerja dan bagi setiap satu bincangkan sama ada ia merupakan hubungan kontrak perkhidmatan atau kontrak untuk memberi khidmat. (100 markah)

- 3) Bincangkan dengan kritis tanggungjawab majikan berkaitan dengan

- a) Upah
dan
b) Cuti

(100 markah)

- 4) Terangkan, dari sudut undang-undang pekerjaan, setiap perkara di bawah. Berikan contoh yang sesuai.

- (i) Undang-undang bertulis
(ii) Undang-undang kontrak
(iii) Terma dan syarat
(iv) Ujian pelbagai/campuran

(100 markah)

- 5) (a) Nyatakan bentuk-bentuk penamatan kontrak perkhidmatan.

(30 markah)

dan

- (b) Pilih dua (2) daripada bentuk penamatan kontrak yang anda senaraikan di atas dan bagi setiap satunya bincangkan cara undang-undang pekerjaan melindungi hak dan menentukan tanggungjawab individu dalam kontrak tersebut.

(70 markah)

Lampiran

Arahan berkaitan lampiran

Lampiran-lampiran yang disertakan dalam kertas peperiksaan ini berfungsi hanya sebagai alat bantuan anda menjawab soalan-soalan peperiksaan bagi kursus ini. Anda diingatkan bahan-bahan ini **tidak boleh membantu anda** jika anda tidak membuat persediaan khusus untuk peperiksaan ini.

Lampiran akan dikumpulkan semula apabila tamat waktu peperiksaan ini. Tolong **jangan** buat sebarang **tulisan atau tanda** di mana-mana mukasurat lampiran ini.

Lampiran ini mengandungi ekstrak daripada statut-statut berikut:

- 1) **Akta Kerja 1955**
- 2) **Akta Perhubungan Perusahaan 1967**
- 3) **Akta Kesatuan Sekerja 1959**
- 4) **Perlembagaan Persekutuan**